



GARIS PANDUAN PERTANDINGAN HAFAZAN QURAN

Tema: Cahaya Al Quran di Hatiku

1. Syarat

- *Terbuka kepada Kategori A (5 - 6 tahun), Kategori B (7 – 9 tahun) & Kategori C (10 – 12 tahun) sahaja.*
- Anda dikehendaki menghafal ayat AlQuran beserta maksud (bagi kategori yang berkenaan sahaja) yang telah disediakan oleh pihak penganjur mengikut kategori umur. Apabila sudah bersedia, rakam diri anda membaca ayat beserta maksudnya. Anda boleh meminta tolong ibu dan bapa untuk merakam video anda.
- Semasa rakaman dibuat, anda dilarang melihat kepada apa-apa catatan dan dikehendaki untuk memakai penutup mata. Sila pastikan anda memperkenalkan diri sebelum memulakan bacaan iaitu:
 - o Nama
 - o Umur
- Berikut adalah kategori untuk pertandingan hafazan ayat AlQuran.

i) **Kategori A (5 – 6 tahun)**

Peserta dikehendaki menghafal Surah Al Qadr tanpa terjemahan.

ii) **Kategori B (7 – 9 tahun)**

Peserta dikehendaki menghafal Surah Yusuf ayat 1-3 beserta terjemahannya seperti berikut:

1. Alif, Laam, Raa'. Ini ialah ayat-ayat Kitab Al-Quran yang menyatakan kebenaran.
2. Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.
3. Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya.

iii) **Kategori C (10 – 12 tahun)**

Peserta dikehendaki menghafal Surah Al Baqarah ayat 185 beserta terjemahan berikut dan pengajaran ayat.

(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu; dan sesiapa yang sakit atau dalam musafir maka (bolehlah ia berbuka, Kemudian

wajiblah ia berpuasa) sebanyak hari yang ditinggalkan itu pada hari-hari yang lain. (Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran. Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjukNya, dan supaya kamu bersyukur.

2. Pemarkahan

Video hafazan anda akan dinilai berdasarkan kelancaran hafazan, tajwid, sebutan huruf, intonasi suara, keyakinan diri dan kreativiti dalam penyampaian.

3. Muatnaik video anda dan daftar:

- Muatnaik video anda menerusi Facebook atau Instagram milik anda atau ahli keluarga dengan tanda pagar **#hafazanRMC #Haluanita**.
- ***Sila pastikan laman Instagram/Facebook yang digunakan berada dalam tetapan 'public/umum' untuk memastikan pihak penganjur dapat lihat video penyertaan.***
- Sila daftar butiran dan menyertakan link video di dalam ruang yang disediakan dalam borang pendaftaran selewat-lewatnya pada **30 Mac 2025** (Ahad) sebelum jam 4:00 petang. Anda digalakkan untuk menghantar karya seawal mungkin bagi mengelakkan kesesakan pada laman sesawang.
- Pautan untuk menghantar karya: <https://www.haluan.org.my/event/rmc2025>

4. Keputusan

Pemenang akan diumumkan di TVHALUAN pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Pihak penganjur akan menghubungi ibubapa/penjaga pemenang bagi urusan penyerahan hadiah. Untuk maklumat terkini, sila layari [Facebook Haluanita](#).